

**Malaysia, China Berkongsi Cita-cita, Kata Najib  
Bernama  
Mei 31, 2014  
Oleh D. Arul Rajoo**

BEIJING, 31 Mei (Bernama) -- Persahabatan Malaysia dan China adalah berteraskan cita-cita bersama dan kedua-dua negara juga berkongsi wawasan dalam matlamat pembangunan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata 'Impian China' menjurus kepada kemakmuran ekonomi, keamanan dan kebahagiaan; impian bagi merebut peluang bukan ke arah ketidakstabilan.

Sebaliknya, Wawasan 2020 menyaksikan Malaysia mempunyai matlamat untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi dan memainkan peranan utama ke arah pemupukan keamanan global.

"Persamaan ini bermakna kita menikmati hubungan yang sihat berdasarkan prinsip kepercayaan dan menghormati satu sama lain. Ia berupa persahabatan cukup kukuh untuk menghadapi ujian, sekalipun yang paling tragik," kata beliau ketika berucap pada Jamuan Malam Persahabatan Malaysia-China di Beijing, Sabtu.

Hadir sama pada jamuan malam untuk memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik Malaysia-China ialah isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, bekas Pengerusi Kongres Rakyat Kebangsaan dan Presiden Persatuan China-ASEAN, Gu Xiulian dan Datuk Abdul Majid Khan, Presiden Persatuan Persahabatan Malaysia-China.

Najib berkata antara ujian yang membuktikan daya ketahanan kedua-dua negara melalui persahabatan ialah insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 pada 8 Mac lepas.

Beliau berkata Malaysia, berterima kasih atas sokongan kuat daripada kerajaan China dalam menghadapi keadaan yang sukar ini dan atas komitmen mereka bagi menyumbang sumber dan kepakaran membantu dalam misi pencarian.

"Melalui asas yang kukuh berteraskan kerjasama dan kepercayaan bersama, saya percaya kerjasama kita dapat diperkukuhkan dalam menghadapi kesukaran," tambah Perdana Menteri.

Oleh kerana kedua-dua negara menyambut ulang tahun ke-40, China kekal sebagai sebuah negara sahabat Malaysia yang paling penting dan rakan yang amat bernilai bagi kemakmuran dan keamanan, kata beliau.

Najib berkata persahabatan bermula di peringkat atasan dengan menarik perhatian kepada lawatan Presiden China Xi Jinping ke Malaysia tahun lepas apabila kedua-dua pihak

mencapai persetujuan mengenai Program Pembangunan Lima Tahun Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan.

Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana lebih ramai pelajar Malaysia memilih melanjutkan pengajian di China dan bahawa Universiti Pengajian Bahasa Asing di Beijing terus memberi galakan kepada pengajian Bahasa Melayu dan menyediakan pengajian bahasa Mandarin kepada penuntut Malaysia di bawah Program Pertukaran Khas.

Beliau berkata kerjasama itu akan ditingkatkan lagi dengan cadangan penubuhan Universiti Antarabangsa Xiamen di Malaysia, yang dijangka dibuka tidak lama lagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1042920>